

05 SEP 2000

ERICSSON-CYBERJAYA/I

ERICSSON - PESERTA TERBESAR DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Untuk membuktikan sokongan padunya kepada pembangunan maklumat dan teknologi komunikasi (ICT) di Malaysia, pengeluar telefon mudah alih yang berpangkalan di Sweden, Ericsson telah bercadang menempatkan semula sebahagian daripada operasinya di Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya.

Apabila siapnya kilang baru yang berkeluasan 120,000 kaki persegi dalam tempoh dua tahun lagi, Ericsson, satu-satunya pengeluar telefon bimbit utama yang mempunyai operasi pengeluaran di Malaysia, akan muncul sebagai "peserta" terbesar di Cyberjaya.

Dengan kos melebihi RM100 juta, pusat itu akan menempatkan tiga daripada tujuh operasi Ericsson di Malaysia -- Ericsson Academy Sdn Bhd (EAM), Ericsson Business Support Centre Sdn Bhd (ESM) dan Ericsson Business Consulting Sdn Bhd (BCM). Ericsson mempunyai tujuh operasi semuanya di Malaysia.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie menyempurnakan majlis pecah tanah di kawasan kilang yang seluas 3.6 hektar itu di sini hari ini.

Bulan lepas, Ericsson telah menempatkan semula unit perundingnya di Menara Berkembar Petronas, yang juga merupakan sebahagian daripada MSC.

Apabila kompleks itu siap pada tahun 2002, ia akan menempatkan lebih daripada 500 pakar Ericsson, yang mana mereka akan memaju dan merintis teknologi bagi faedah dunia.

Sementara itu, presiden dan pengurus negeri Ericsson Malaysia Peter Kallberg, berkata kilang pengeluaran di Shah Alam yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan Februari, telah mensasarkan RM5 bilion pengeluaran telefon mudah alih untuk tahun ini, di mana 95 peratus adalah untuk eksport.

Ini adalah jauh daripada sasaran awal iaitu untuk mengeluarkan antara 5.0 juta hingga 7.0 juta unit telefon bimbit tahun ini.

-- BERNAMA

HBM FR AA MA